

Penguasaan mendiskriminasikan pasangan minimal bunyi huruf Arab dalam kalangan pelajar Melayu

ABSTRAK

Kegagalan dalam menguasai kemahiran mendengar telah memberi kesan kepada pelajar untuk membezakan bunyi huruf yang hampir sama dengan bunyi bahasa ibunda pelajar atau disebut sebagai pasangan minimal. Keadaan ini turut mempengaruhi pelajar dalam mendiskriminasikan bunyi huruf bagi pasangan minimal tersebut semasa berada di awal kata dan akhir kata dengan baik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan pelajar Melayu dalam mendiskriminasikan pasangan minimal bunyi huruf Arab di awal dan akhir kata. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif yang melibatkan 33 orang pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Instrumen yang digunakan ialah ujian diskriminasi yang dibina melalui perisian PRAAT. Data ujian dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Packages For The Social Sciences (SPSS) berpandukan Perceptual Assimilation Model (PAM). Hasil analisis menunjukkan pasangan bunyi huruf Th \emptyset S n, d-S n dan Dh l-Z y adalah pasangan bunyi yang paling sukar didiskriminasikan apabila berada di awal kata. Manakala, pasangan bunyi huruf \emptyset H \emptyset Ayn-Hamzah dan d-S n pula didapati paling sukar untuk didiskriminasikan sekiranya berada di akhir kata.

Kata kunci: Kemahiran mendengar; Pasangan minimal; Perceptual assimilation model; Diskriminasi; Perisian PRAAT